



MISI kemanusiaan 4x4 di Pos-pos Orang asal pedalaman Gua Musang, Kelantan.



BANTUAN sukarelawan gotong royong dan baikpulih rumah asnaf di Jerantut, Pahang.



BUKRYMAN Sabri (berdiri empat dari kanan) semasa menyertai misi mencari dan menyelamat di Bukit Broga, Semenyih, Selangor.

Oleh MARZITA ABDULLAH
marzita111@gmail.com

BANYAK cerita yang didengar daripada tragedi banjir besar yang melanda Kelantan pada 2014 namun bagi Bukryman Sabri, 43, pensyarah Pengurusan dan Ekonomi Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) peristiwa itu benar-benar menyedarkaninya bahawa bantuan terhadap mangsa tidak seharusnya dihurunkan hanya ketika berlakunya musibah besar.

Bertindak sebagai sukarelawan dan penyelaras misi kemanusiaan UPM semasa tragedi itu, beliau melihat bantuan berterusan atas kapasiti individu, kelab atau persatuan sangat kurang dan berlaku dalam skala yang kecil.

“Lazimnya fokus hanya diberikan jika terjadinya bencana besar. Sepatutnya kita tidak perlu menunggu musibah besar baru hendak hulurkan bantuan. Betul, kita perlu bagi bantuan apabila berlaku satu-satu bencana tetapi hakikatnya banyak penduduk memang susah setiap hari dan mereka juga perlu dibantu,” ujarnya.

Bukryman yang juga Felo Bersekutu Putra Bakti UPM dan Pengurus Sahabat Masjid berkata, menyedari situasi itu UPM melalui Putra Bakti dan Sahabat Masjid melakukan kerja-kerja amal tanpa mengira waktu dan tempat bukan sahaja sebagai menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) tetapi memupuk semangat sukarelawan berterusan dalam kalangan penuntut.

“Menjadi seorang sukarelawan bukan sahaja bersiap siaga untuk menghulur bantuan tetapi pengalaman yang diperoleh boleh memberi impak yang besar terhadap diri seseorang sama,” katanya.

Menceritakan pengalamannya ketika tragedi banjir besar di Kelantan dan Pahang, beliau berkata, terlalu banyak cerita yang menyentuh hati namun beliau tidak pernah lupa tentang dua kisah mangsa banjir yang kedua-duanya diuji musibah sama tetapi berbeza keyakinan terhadap takdir masing-masing.

PENCETUS INSPIRASI

Ubah diri melalui kerja sukarelawan



BUKRYMAN SABRI (duduk kanan) semasa menyertai program ziarah amal orang asal bersama-sama penuntut antarabangsa di Kampung Rening, Pos Telanok, Cameron Highland, Pahang.

Kisah sepasang suami isteri warga emas di Kuala Krai ditemukan sedang tidur beralas kadob di sebuah tempat menunggu bas setelah harta benda mereka musnah dalam banjir dan pernah tular di media sosia. Namun katanya, sebelum tular, beliau dan sekumpulan penuntut UPM adalah kumpulan pertama bertemu mereka di tempat tersebut.

Apa yang mengagumkan beliau, ketika makanan dihulur, seorang penuntut perempuan mententeramkan mereka dengan meminta bersabar atas ujian Allah namun si suami berkata: “Anak ujian Allah ini kecil sahaja. Pak cik telah diberi nikmat hidup sudah berpuluhan-puluhan tahun. Tiada satu pun ujian yang diberi Allah kepada pak cik. Nikmat Allah yang paling besar kepada pak cik ialah nyawa kerana dengannya pak cik boleh beribadat dan bertaubat.”

Ketika kejadian sama di Pahang pula kata beliau, seorang penuntut perempuan yang bertugas di pusat pemindahan banjir menghulur nasi berlauk telur masak kicap dan sedikit sardin kepada seorang mangsa banjir namun lelaki tersebut melempar makanan itu dengan menghambur kata-kata: “Kau ingat aku layak ke makan makanan macam ini?”

“Dua kisah ini memberi kesan-

yang besar kepada saya dengan melihat pelbagai ragam manusia di saat mereka diuji dengan musibah. Pada masa sama saya juga bangga dengan kesabaran penuntut saya itu. Dia pergi kaut dengan tangan makanan yang berterburu, letak dalam plastik kemudian dia jumpa lelaki itu dengan nada lembut berkata: “Pak cik kalau pak cik lapar pak cik panggil saya balik.” katanya.

Menurut beliau, bantuan terhadap mangsa banjir di dua negeri berkenaan tidak terhenti setelah keadaan pulih sebaliknya berterusan. Malah bertitik-tolak daripada tragedi itu, Putra Bakti lebih aktif di luar musim bencana dan melebarkan kumpulan sasar mencakupi hospital, kumpulan orang asli, makanan percuma untuk asnaf, anak-anak yatim dan pusat tahfiz.

Namun katanya melatih penuntut untuk bersedia menghadapi situasi mencabar itu juga memerlukan banyak latihan. Malah ada yang patah semangat contohnya semasa kumpulan mereka ke Pos GOB Gua Musang, Kelantan dalam misi menghantar bantuan makanan dan keperluan asas. Penghantaran mengambil masa empat hari tiga malam akibat laluan yang sukar dan hujan lebat.

Kata Bukryman, beberapa

penuntut patah semangat dan murung. Selepas diperhati rupanya mereka ‘kehilangan talian hidup’ iaitu telefon bimbit yang tidak berfungsi kerana tiada liputan. Ini menyebabkan mereka sedih dan tidak ada ‘mood’ malah ‘penyakit’ itu pantas berjangkit kepada penuntut lain.

“Inilah penyakit zaman ini yang meletakkan kehidupan sepenuhnya kepada telefon bimbit namun berkat kesabaran peserta lain yang memberi semangat perkara ini berjaya diatasi. Sebenarnya situasi inilah yang terbaik untuk mendidik mereka, merasai pengalaman sangat berharga. Kalau tiada tekanan tidak akan jadi pelajaran yang baik. Hendak gilap penuntut perlu uji kemahiran dan emosi mereka dan daripada situ kita boleh tengok pembangunan diri masing-masing,” katanya.

Menurut beliau untuk membina masyarakat yang saling membantu dan mempunyai semangat sukarelawan sebenarnya bermula daripada rumah maka peranan ibu bapa amat penting dengan melibatkan anak dalam program sukarelawan dan kerja-kerja amal di kawasan kejiranannya masing-masing.

“Anak-anak perlu dilatih membantu dan memudahkan orang yakni bekerja tanpa ganjaran. Peranan ibu bapa di rumah, peranan guru di sekolah juga amat penting dan di peringkat institusi pengajian tinggi, cabaran ini terletak pada para pensyarah,” katanya yang turut aktif mengendali kelab remaja di Ar-Raudah, Bandar Baru Bangi.



MISI sukarelawan dan bantuan bencana alam di Kelantan.

